

27 JAN 2003

Isa-Calon

PEMIMPIN UMNO NEGERI PERLU AKUR KEPUTUSAN PARTI, KATA ISA

SEREMBAN, 27 Jan (Bernama) -- Semua pemimpin Umno di Negeri Sembilan diminta akur dengan sebarang keputusan pucuk pimpinan parti dalam memilih calon pada pilihan raya umum akan datang.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, berkata terserah kepada pucuk pimpinan parti memikirkan sama ada seseorang itu sesuai untuk dicalonkan atau pun tidak pada pilihan raya umum akan datang.

"Saya tidak ada masalah. Yang penting kita hendak menang pilihan raya," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian dan penyerahan kunci kepada pemilik rumah Taman Gadong Jaya, Labu, dekat sini hari ini.

Beliau diminta mengulas saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam agar semua pemimpin Umno mengundurkan diri untuk memberi peluang kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mengatur semula segala-galanya memandangkan ada pemimpin yang memegang jawatan sejak sekian lama.

Mohamed Isa berkata, beliau bersetuju dengan saranan Perdana Menteri itu untuk membolehkan Abdullah memilih pemimpin baru.

Beliau berkata bahawa apabila ada pilihan raya, bukan semua akan dapat bertanding, sedangkan mereka yang mempunyai kelayakan begitu ramai.

"Jadi tentu ada yang tidak dipilih, sama ada penyandang atau pun tidak, dan ini mesti kita terima.

"Yang penting bagi kita ialah menyokong calon yang bertanding. Bagi mereka yang tidak bertanding lagi, mereka mesti membalas jasa parti yang menyokong mereka ketika mereka menang," kata Mohamed Isa.

-- BERNAMA

RP MAI